

# LJMS LABUAN E-JOURNAL OF MUAMALAT AND SOCIETY

## PEMBIAYAAN QARDHUL HASSAN BERASASKAN WAKAF DI SABAH, MALAYSIA

PUTERA ALIIF AL'AIN JASNI\*

*Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah*

Received 9 September 2024: Revised 9 October 2024: Accepted 18 October 2024

### ABSTRAK

Kajian ini menilai penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf di Sabah, Malaysia. Model kajian ini menggunakan mekanisme Teori Islam Tingkah Laku Pengguna (*Islamic Theory of Consumer Behavior*, ITCB). Reka bentuk/metodologi/pendekatan dalam kajian berasaskan kaedah kuantitatif dengan saiz sampel berjumlah 845 responden. Aplikasi *Statistical Package of Social Science* (SPSS) instrumen analisis data yang digunakan. Pengumpulan data bermula September hingga November 2023. Dapatan keputusan menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan pemboleh ubah tidak bersandar (Nilai Maqasid Syariah, Dasar atau Polisi Hutang Islam, Kewajaran Harga dan Keberagamaan) dengan pemboleh ubah tidak bersandar (Penerimaan). Jurang kajian adalah kajian yang dilaksanakan di lima daerah utama di Sabah: Kota Kinabalu, Ranau, Sandakan, Keningau and Tawau. Implikasi praktikal adalah menggunakan pendekatan Model ITCB sebagai asas dalam membina kerangka kajian untuk tujuan kajian ini. Kajian ini sebagai penanda aras dalam usaha pembangunan dan penyelidikan (R&D) Produk Pembiayaan Berasaskan Wakaf Qardhul Hassan kepada Institusi Wakaf di Sabah. Implikasi Sosial dalam analisis penerimaan pengguna Produk Pembiayaan Berasaskan Wakaf di Sabah, Malaysia memberikan maklumat yang amat bernilai berhubung kecenderungan dan persepsi masyarakat Islam di Sabah terhadap amalan wakaf untuk kemudahan produk pembiayaan berasaskan wakaf Qardhul Hassan dalam usaha membangunkan kekuatan aktiviti seperti sektor ekonomi ummah. Ianya boleh digunakan sebagai teori asas untuk kajian masa depan untuk memperteguh hipotesis sedia ada.

**KATA KUNCI:** PEMBIAYAAN QARDHUL HASSAN, KEWANGAN SOSIAL ISLAM, WAKAF, PEMBANGUNAN SOSIAL, TINGKAH LAKU PENERIMAAN

### ABSTRACT

This study evaluated consumer acceptance of *Qardhul Hassan* Financing Product-based *Waqf* in Sabah, Malaysia. This study model used the mechanism of the Islamic Theory of Consumer Behavior (ITCB). The design/methodology/approach in the study was based on quantitative methods with a sample size of 845 respondents. The Statistical Package of Social Science (SPSS) application was used in this study. Data collection started from September to November 2023. The study carried out in five main districts in Sabah: Kota Kinabalu, Ranau, Sandakan, Keningau, and Tawau. The results showed positive and significant relationships between the independent variables (*Maqasid Shariah* value, Islamic Debt Policy or Policy, Price fairness, and Religiosity) and the dependent variable

\*CORRESPONDING AUTHOR: Putera Aliif Al'Ain Jasni, Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia. E-mail: [Putera.ums11@gmail.com](mailto:Putera.ums11@gmail.com) dan [putera\\_aliif\\_alain\\_dg21@iluv.ums.edu.my](mailto:putera_aliif_alain_dg21@iluv.ums.edu.my)

(acceptance). The practical implication of this study is to extend the ITCB model approach as a basis for building a research framework. This study served as a benchmark in the development and research (R&D) of *Qardhul Hassan Waqf*-Based Financing Products for *Waqf* Institutions in Sabah. This study provides valuable information regarding the tendencies and perceptions of the Muslim community in Sabah towards the practice of *waqf* for the convenience of Qardhul Hassan's *waqf*-based financing products in an effort to develop the strength of activities such as the community's economic sector. It can be used as a fundamental knowledge for future studies to improve existing hypotheses.

**KEYWORDS:** *QARDHUL HASSAN FINANCING, ISLAMIC SOCIAL FINANCE, WAQF, SOCIAL DEVELOPMENT, ACCEPTANCE BEHAVIOUR*

## 1. PENDAHULUAN

Fokus kajian penulisan tesis ini adalah kajian penerimaan pengguna ke atas Produk Pembiayaan Qardhul Hassan Berasaskan Wakaf di Sabah, Malaysia. Model kajian ini menggunakan mekanisme Teori Islam mengenai tingkah laku pengguna (*Islamic Theory of Consumer Behavior*, ITCB) (Amin 2021; Khan, 2014; Kahf, 2003 dan Zarqa, 1980). Secara umumnya, wakaf bukan sahaja merujuk wakaf fizikal semata-mata tetapi ia juga boleh terbahagi kepada wakaf tunai. Sejak di akhir tahun 1990an dan tahun 2000 ke atas inovasi berkaitan produk wakaf membuka satu lembaran baru perkembangan Institusi Wakaf itu sendiri yang lebih dinamik dengan kepelbagaian produk yang secara tidak langsung membuka lebih ruang kepada masyarakat untuk menyumbang untuk berwakaf yang tidak terikat semata-mata wakaf fizikal sahaja. Dari segi sejarah, wakaf menyumbang kepada kebajikan dan pembangunan pendidikan masyarakat Islam. Ia adalah satu model yang terbukti berjaya untuk menyokong institusi kebajikan dan pendidikan masyarakat Islam. Dana wakaf boleh digunakan bagi membiayai pembinaan aset kekal seperti masjid, sekolah, universiti, hospital dan lain-lain institusi amal kemudahan awam dalam bidang pendidikan, penjagaan kesihatan, ibadah dan kerja-kerja kebajikan hingga pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, terusan air dan jambatan. Dengan kepelbagaian variasi produk wakaf seperti wakaf tunai maka masyarakat di negeri ini mempunyai peluang pilihan yang luas dan fleksibel untuk menyertai program atau skim-skim wakaf yang ditawarkan tanpa hanya tertumpu terhad kepada wakaf fizikal sahaja. Ini secara tidak langsung merencanakan pembangunan sosioekonomi dalam pelbagai bidang yang berkaitan melalui pendanaan berasaskan wakaf seperti bidang dilapangan aktiviti Dakwah, Kesihatan, Pendidikan, Dana niaga (Qardhul Hassan) dan lain-lain.

Islam telah menyediakan satu mekanisme bagi pengagihan semula kekayaan dalam usaha untuk memastikan pembangunan ekonomi akan dapat dinikmati oleh semua ahli dalam masyarakat (Ab. Rahman, 2009). Mekanisme agihan kekayaan ini mencerminkan keseimbangan sosial berhubung isu kewangan dalam strata sosial dalam pembangunan ekonomi sesebuah masyarakat. Dimensi kewangan sosial Islam ini boleh dibahagikan kepada tiga kaedah asas berikut iaitu melalui aktiviti *Sadaqah* (sumbangan amal), aktiviti zakat dan aktiviti wakaf. Menurut Yusoff (2019), yang menyatakan bahawa dalam konteks Islam iaitu kewangan sosial merujuk kepada penyediaan sumber kewangan kepada ahli masyarakat untuk membina kebajikan sosioekonomi selagi mana ia tidak melanggar batas-batas syarak. Ini selaras hasil dari dana instrumen-instrumen berasaskan kewangan sosial Islam Cizakca (2011), Borhan (2005) dan Salamon (1990), seperti aktiviti zakat, aktiviti sedekah dan aktiviti wakaf boleh menyediakan pelbagai platform untuk pembangunan ummah mengikut garis panduan yang telah ditetapkan syarak dari aspek untuk keseimbangan agihan kekayaan dalam spektrum kepada masyarakat.

Objektif utama kajian ini adalah mengkaji sejauh manakah faktor-faktor yang terdapat dalam Teori Islam Tingkah Laku Pengguna (ITCB) mempengaruhi penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf. Kajian ini berhasrat untuk menganalisa bagaimana faktor-faktor yang terdapat dalam Teori Islam Tingkah Laku Pengguna (ITCB) seperti Nilai Maqasid Syariah, Dasar atau Polisi Hutang Islam, Kewajaran Harga dan Keberagamaan mempengaruhi penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.

Kajian ini dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu menyediakan pengenalan kajian, diikuti dengan tinjauan literatur yang membincangkan teori yang digunakan, hipotesis. Seterusnya, membincangkan kaedah, termasuk pensampelan dan pemprosesan data. Susulan berikutnya, merupakan dapatan kajian, perbincangan dan diikuti dengan implikasi. Kesimpulannya menutup artikel ini.


## 2. SOROTAN LITERATUR

### *Teori Islam Tingkah Laku Pengguna (ITCB)*

Teori Islam Gelagat Pengguna (ITCB) dibangunkan oleh Amin (2019). Ianya merupakan model kajian untuk mengukur gelagat atau tingkah laku pengguna dengan penerapan faktor-faktor yang mengikut pandangan alam Islam yang mempengaruhi sesuatu keputusan penerimaan atau pemilihan ke atas sesuatu produk atau perkhidmatan. Menurut Amin dan Kabir (2022), penekanan model kajian ICTB ia merujuk rangka kerja yang dibangunkan untuk mengkaji pemikiran, perasaan dan tindakan tingkah laku atau gelagat pengguna ke atas barangan atau komoditi halal dan perkhidmatan halal dan sebagainya. Teori ini mula diperkenalkan oleh Khan (1984). Menurut pandangan Kahf (1978) bahawa pilihan sesuatu produk boleh dipengaruhi dua factor iaitu kesan serta merta dan kesan selepas kehidupan dengan mencadangkan kepentingan elemen keagamaan dalam kepenggunaan iaitu sebarang pemilihan sesuatu perkara yang baik ditakrifkan sebagai satu bentuk ibadah mengikut ajaran Islam. Zarqa (1980), turut berpandangan perkara sama dengan Kahf (1978) iaitu mengkaji hubungan di antara kepenggunaan di dunia dan ganjaran atau pahala di akhirat.

Amin (2019), mengulas pandangan Kahf (1978) dan Zarqa (1980) dengan menyatakan bahawa tahap kepenggunaan mesti mencapai kelangsungan hidup yang tidak melampaui batas (*Israaf*) atau dalam erti kata lain seperti tidak berlebih-lebih atau membazir dalam aspek kepenggunaan iaitu lebih kesederhanaan. Amin (2019) turut mengulas dengan gabungan kedua-dua kajian tersebut tidak menunjukkan secara jelas teori secara format atau kerangka ke atas kajian tingkah laku kepenggunaan berasaskan ITCB berbanding Naqvi (1981) telah memberi perincian jelas berkaitan dengan ciri-ciri khusus untuk tujuan mengkaji tindakan tingkah laku berkonsepkan teori ITCB yang dibahagikan kepada tiga perkara berikut pertama, kepenggunaan umat Islam adalah terhad kepada produk yang berasaskan ketetapan mengikut syarak. Kedua umat Islam tidak tamak haloba atau rakus dengan setiap barangan. Terakhir, kepenggunaan seseorang Muslim ke atas produk tertentu mempunyai implikasi yang baik kepada orang lain.

Rasional pemakaian teori ITCB adalah kajian ini perlu melihat faktor-faktor elemen keagamaan merujuk ulasan Hamdani *et al.* (2002), menegaskan bahawa dalam tindakan seorang Muslim wujud nikmat kebahagiaan yang menunjukkan perasaan rasa syukur kepada yang Maha Esa. Maka, faktor keagamaan akan mempengaruhi suatu sikap yang kemudiannya disusuli tindakan tingkah laku atau gelagat seperti penerimaan atau pemilihan ke atas sesuatu produk melalui tinjauan soal selidik atau soal jawab yang dikemukakan. Wakaf juga merupakan instrumen kewangan sosial Islam maka faktor elemen agama amat penting dalam mengukur penerimaan masyarakat di negeri ini isu pembiayaan berasaskan wakaf ini suatu instrumen yang terhad dilaksanakan hanya di institusi wakaf di negeri Johor berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia termasuk di negeri ini. Method ICTB ini amat bersesuaian untuk mengkaji penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan qardhul Hassan berasaskan wakaf di Sabah, Malaysia, yang turut mengambilkira pengukuran penerimaan tersebut bersandarkan nilai kepenggunaan kerangka Islam. Kerangka Konsep ITCB seperti dalam Rajah 1:



**RAJAH 1: KERANGKA KONSEPTUAL**

Sumber: Penulis

### *Wakaf*

Menurut Ahmed (2004), wakaf adalah satu bentuk perbuatan sukarela kebajikan yang berada di bawah syarat-syarat umum *Sadaqah* dan *Infaq*. Dari sudut bahasa, *wakaf* bermakna “berdiam diri, jangan bergerak, tidak membiarkan pergi”. Menurut Al-Khin (2005), perkataan wakaf berasal daripada kata kerja bahasa Arab “*wakafa*” yang bermaksud menahan (*al-habs*) dan menegah (*al-man‘*). Wakaf berperanan sebagai sumber medium pembiayaan Islam kepada masyarakat.

Di samping itu, Ahmed (2007) menyatakan bahawa objektif wakaf termasuk untuk penyediaan perkhidmatan agama, bantuan sosio ekonomi kepada mereka yang memerlukan dan yang miskin, untuk tujuan pendidikan, alam sekitar, sains, dan tujuan-tujuan lain. Dalam konteks *mu’amalat* Islam, “*al-waqf*” sinonim dengan “*al-habs*” yang bermaksud “penahanan”, “*al-man*” bererti “larangan” serta “*al-tasbil*” iaitu “menyalurkan pada jalan Allah”. Manakala mengikut Mahamood (2006), wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan “*masdar*” dari kata kerja *wakafa*. Dari segi bahasa, *waqf* bermakna “berhenti, menegah dan menahan”. Manakala menurut istilah syarak, wakaf bermaksud “menahan harta seseorang bagi dimanfaatkan oleh orang lain”. Harta yang diwakafkan adalah bersifat kekal dan manfaatnya digunakan oleh pihak lain. Tujuan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT serta memberi kebajikan kepada pihak lain. Apabila sesuatu harta diisytihar sebagai harta yang diwakafkan, pemilik asal (pewakaf) tidak lagi mempunyai hak milik ke atas harta yang telah diwakafkannya itu.

### *Qardhul Hassan*

Menurut kajian Siti Musyarofah (2015), definisi *al-qardh* dari sudut bahasa ia bermaksud sebagai pinjaman atau hutang manakala *al-hasan* bermaksud baik. Gabungan daripada dua ayat perkataan ini iaitu *al-qardh al-hasan* ia bermaksud pinjaman yang baik. Ahli-ahli fiqh muamalah menggunakan istilah *al-qardh* dalam menjelaskan perkara *al-qardh al-hasan*, ini adalah disebabkan istilah *al-qardh al-hasan* tidak ditemui dalam sorotan literatur fiqh muamalah. Maka, istilah *al-qardh* para ahli fuqaha fiqh muamalah dimaksudkan adalah perkara *al-qardh al-hasan*. Berdasarkan penjelasan Ariffin and Adnan (2012), Qardhul Hasan terdiri daripada dua perkataan iaitu *al-Qradh* dan *al-hasan*. *al-Qradh* adalah dikaitkan dengan perkataan “*qirat*” yang bermaksud memotong. Dikatakan demikian, kerana menerapkan Qardh bererti bahawa akan ada pemotongan sebahagian daripada harta pemberi pinjaman dengan memberikan pinjaman kepada peminjam. Manakala, perkataan *al-hasan* adalah bermaksud yang memberi manfaat kepada orang lain. Di samping itu, dalam sistem kewangan sosial Islam platform qardhul Hassan ini juga merupakan salah satu platform instrumen untuk membantu golongan yang memerlukan dari sudut kewajaran keadilan sosial dari aspek dengan memberi pinjaman tanpa riba. Pandangan sama turut dikemukakan oleh Che Man *et al.* (2015), Islam merupakan agama syumul yang turut memberi perhatian terhadap permasalahan ekonomi ummah khususnya berkaitan

kemiskinan dan kekurangan sumber pendapatan. Permasalahan ini dilihat boleh diatasi dengan pelbagai mekanisme seperti zakat, sedekah wakaf dan kaedah bantuan pinjaman (Qard al-Hasan).

### *Hypothesis*

#### Nilai Maqasid Syariah

Syariah Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan, kesejahteraan dan kemaslahatan kepada seluruh umat manusia. Objektif atau Maqasid Hukum Islam adalah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat serta dalam kajian Nor Muhamad *et al.* (2015) menyenaraikan beberapa aspek berikut merujuk Maqasid Syariah dalam pengurusan wakaf iaitu aspek pembangunan ekonomi, hubungan sosial, pemilikan harta orang Islam dan tolong menolong (*Ta'awun*) dalam Islam. Secara umumnya, kepentingan elemen nilai maqasid syariah untuk komponen dalam teori ITCB merupakan antara faktor atau elemen utama dari sudut keutamaan syarak selaras dengan ketetapan syariat Islam sebelum sesuatu tindakan tingkah laku atau gelagat yang membentuk sikap untuk penerimaan atau pemilihan sesuatu kepenggunaan produk dan ini selari dengan ulasan Naqvi (1981) dan Khan (2014) yang menyatakan terdapat keperluan maqasid syariah dalam semua jenis kepenggunaan atau pelaburan. Dapatan kajian gelagat pengguna ke atas pemilihan Pembiayaan Perumahan berkonsepkan *ijarah* oleh Amin (2019), menunjukkan wujud hubungan signifikan di antara gelagat pengguna dengan faktor pemboleh ubah tidak bersandar Maqasid Syariah untuk pemilihan dan penggunaan ke atas perkhidmatan tersebut. Dusuki dan Bouheraoua (2011), menyatakan meneliti kerangka maqasid Syariah dan implikasinya terhadap kewangan Islam dan ini merujuk kepentingan instrumen pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf yang merupakan salah satu cabang kewangan Islam untuk memperkasakan pembangunan sosioekonomi umat Islam di sektor Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan negara amnya. Oleh itu, hipotesis berikut diketengahkan:

H<sub>1</sub>: Nilai Maqasid mempunyai hubungan yang positif dan signifikan untuk penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.

#### Dasar atau Polisi Hutang Islam

Islam merupakan agama yang syumul dan bersifat universal yakni lengkap dalam pelbagai aspek disiplin kehidupan. Menurut Mohd Aslam (2020), beliau menyatakan bahawa bagi seorang Muslim, bimbingan Islam ini mencukupi semua keperluannya kerana Islam sudah mengatur kehidupan manusia dengan lengkap yang meliputi aspek akidah, ibadat, akhlak, ekonomi, politik, kemasyarakatan, kesihatan, kebudayaan, bahasa, seni, pengetahuan, hubungan antarabangsa, alam sekitar, falsafah, sains, undang-undang dan sebagainya. Ayat al-Quran berikut menyatakan bahawa Islam sebagai agama yang menyeluruh:

"Dan kami tidak mengutuskan kamu melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita dan sebagai pemberi peringatan."

(Surah Saba', 34:28)

"Kami turunkan kepadamu Al-Quran menjelaskan tiap-tiap sesuatu dan menjadi hidayah petunjuk, serta membawa rahmat dan berita yang mengembirakan, bagi orang-orang Islam."

(Surah Nahl, 16:89)

Institusi Kewangan Islam (IFIs) seperti perbankan Islam harus menyediakan amalan yang baik terhadap penghutang dan tidak seharusnya mengambil kesempatan (Beekun & Badawi, 2005). Menurut Akhyar (2009), pihak pemiutang perlu meminta atau mengutip hutang daripada penghutang dengan cara berperikemanusiaan yang digalakkan dalam Islam. Contohnya, mengambil kira situasi semasa yang dihadapi penghutang sebagai contoh impak pandemik Covid-19 atau musibah bencana alam dengan memberi kelonggaran atau moratorium kepada penghutang untuk bayaran balik pembiayaan tersebut. Sejajar dengan ulasan Amin (2019) bahawa praktis Dasar Hutang Islam adalah

menarik untuk dilaksanakan kepada institusi perbankan atau kewangan Islam jika dibandingkan dasar konvensional sedia ada dan ini secara tidak langsung untuk penambahbaikan serta lebih berdaya saing. Namun, kajian ilmiah berkaitan Dasar Hutang Islam sebelum ini adalah terhadap berkaitan pembiayaan Islam sedia ada (Hamid & Masood, 2011; Abdul-Razak & Md-Taib, 2011) berbanding beberapa kajian baharu sudah mula membincangkan Dasar Hutang Islam ini sebagai faktor gelagat pengguna untuk penerimaan sesuatu pembiayaan seperti yang dijalankan oleh Amin, (2021) iaitu dalam kajian pelaksanaan asas Indeks Maqasid Syariah beliau, Bank Islam Malaysia Berhad, Maybank Islamic dan CIMB adalah bank pertama yang dikenalpasti mempunyai amalan Dasar Hutang Islam yang baik dan unggul.

Sorotan kajian lalu menunjukkan wujud hubungan yang signifikan gelagat pengguna dengan faktor Dasar Hutang Islam bagi pertimbangan tindakan keputusan untuk pemilihan dan penerimaan ke atas sesuatu perkhidmatan dan produk yang ditawarkan sepertimana kajian oleh Amin (2021). Dapatan hasil kajian awal sebelum ini adalah konsisten yang membincangkan peranan yang boleh dimainkan dengan Dasar Hutang Islam yang menjadi faktor gelagat atau penerimaan kepada individu atau pengguna yang berpotensi dalam usaha ke arah permintaan perkhidmatan atau produk pembiayaan yang lebih baik (Muneeza *et al.* 2011). Maka, hipotesis berikut adalah dicadangkan:

H<sub>2</sub>: Dasar atau Polisi Hutang Islam mempunyai hubungan yang positif dan signifikan untuk penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.

#### Kewajaran Harga

Komponen pemboleh ubah tidak bersandar yang turut disenaraikan dalam model ITCB untuk kajian ini adalah pemboleh ubah kewajaran harga yang merujuk penetapan caj atau upah yang dikenakan untuk perkhidmatan pembiayaan qardhul Hassan berasaskan wakaf. Melalui pemboleh ubah tidak bersandar ini, penilaian penerimaan responden ke atas kewajaran harga mekanisma yang bersesuaian untuk diterapkan dalam perkhidmatan pembiayaan qardhul Hassan berasaskan wakaf ini selari dengan kos-kos pengurusan yang berkaitan. Jika dilihat beberapa produk pembiayaan yang menggunakan caj atau upah (*Ujrah*) perkhidmatan adalah seperti pembiayaan pengajian tinggi melalui Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) yang berkonsepkan *Ujrah* (upah). *Ujrah* merujuk kepada bayaran kewangan bagi penggunaan perkhidmatan atau manfaat. Namun, kajian berkaitan pembiayaan qardhul Hassan berasaskan dana wakaf adalah terhadap jika ingin melihat hubungan gelagat pengguna dengan aspek kewajaran harga (*Pricing*) menggunakan konsep *ujrah* ke atas pembiayaan yang ditawarkan tetapi dalam kajian ini boleh mengambil contoh dapatan kajian seperti pembiayaan perumahan Islam hubungan pengguna dengan aspek kewajaran harga berkonsepkan *Bay bithaman ajil* (*BBA*), *Musharakah mutanaqisah*, *Ijarah Muntahia bi al-Tambik* atau *Tawarruq* (Amin, 2021).

Menurut Ebert dan Griffin (1998), menyatakan bahawa penetapan harga dalam produk pembiayaan peribadi Islam merujuk kepada tindakan institusi kewangan Islam atau Bank Islam dalam memilih dengan kesesuaian harga untuk menjual produk pembiayaan dengan mencapai keseimbangan antara bank dan kepentingan pelanggan dalam erti kata lain penetapan Kewajaran Harga. Institusi kewangan Islam menggunakan kaedah perkongsian untung rugi untuk mengenakan bayaran atau caj perkhidmatan untuk transaksi perkhidmatan kewangan (Olson & Zoubi, 2008). Konsep faedah keadah muamalat yang di larang dalam syariat Islam tetapi konsep perkongsian untung rugi dibenarkan dan konsep bayaran tertunda dan komisen pembiayaan perdagangan yang dibenarkan dalam model perbankan Islam (Amin *et al.*, 2011). Menurut Amin (2019), menyatakan bahawa penetapan Kewajaran Harga merupakan salah satu penentu tindakan tingkah laku untuk penerimaan sesuatu produk pembiayaan yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif. Sehubungan dengan itu, cadangan hipotesis adalah seperti berikut:

H<sub>3</sub>: Kewajaran Harga mempunyai hubungan yang positif dan signifikan untuk penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.

## Keberagamaan

Pemboleh ubah tidak bersandar terakhir dalam teori ITCB adalah pemboleh ubah Keberagamaan atau keimanan. Iman menurut bahasa ialah *al-tasdiq* yang bermaksud membenarkan. Majoriti ilmuan Islam seperti al-Asfahani (1992) dan al-Tabari (1992) sependapat bahawa pengertian *al-tasdiq* iaitu makna iman dari segi bahasa ialah membenarkan. Menurut kajian Mas'od (2012) merujuk Tafsir al-Azhar oleh Hamka (1984), iman diumpamakan oleh al-Quran sebagai tanah yang subur. Sedangkan kekufuran dan kesyirikan adalah tanah yang gersang. Di atas tanah yang subur inilah lahirnya tamadun yang kukuh dan teguh bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat dengan syarat ia dibina atas keimanan, ketakwaan dan amal soleh. Sebagaimana firman Allah SWT:

“Dan negeri yang baik (tanahnya), tanaman-tanamannya tumbuh (subur) dengan izin Allah; dan negeri yang tidak baik (tanahnya) tidak tumbuh tanamannya melainkan dengan keadaan bantut. Demikianlah Kami menerangkan tanda-tanda (kemurahan dan kekuasaan) Kami dengan berbagai cara bagi orang-orang yang (mahu) bersyukur”

(Surah al-A'raf, 07:58)

Rukun Islam terdiri enam perkara rukun asas atau fundamental dalam Islam sepertimana Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud:

“Dari Abu Hurairah berkata; bahwa Nabi SAW pada suatu hari muncul kepada para sahabat, lalu datang Malaikat Jibril 'Alaihis Salam yang kemudian bertanya: "Apakah iman itu?" Nabi SAW menjawab: "Iman adalah kamu beriman kepada Allah, malaikat-malaikat Nya, kitab-kitab Nya, pertemuan dengan Nya, Rasul-Rasul Nya, dan kamu beriman kepada hari berbangkit". (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah Islam itu?" Jawab Rasulullah SAW "Islam adalah kamu menyembah Allah dan tidak menyekutukannya dengan suatu apapun, kamu dirikan shalat, kamu tunaikan zakat yang diwajibkan, dan berpuasa di bulan Ramadhan". (Jibril 'Alaihis salam) berkata: "Apakah ihsan itu?" Nabi SAW menjawab: "Kamu menyembah Allah seolah-olah melihat-Nya dan bila kamu tidak melihat-Nya sesungguhnya Dia melihatmu"

(HR al-Bukhari)

Menurut ulasan Mustafa (2009), hadis di atas berkaitan Rukun Iman ini adalah hadis ini mempunyai nilai yang tinggi di dalam Islam kerana ia meliputi segala urusan ibadah yang zahir dan yang batin. Ia menjangkau dari urusan keimanan dan amal perbuatan anggota fizikal seperti lidah, tangan dan kaki, sehingga perkara yang melibatkan urusan keikhlasan hati dan batin manusia yang perlu diperhatikan agar amal perbuatan dan ibadah yang dilakukan mencapai matlamat untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT, sepertimana dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dia lah yang menjalankan kamu di darat dan di laut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kenderaan); sehingga apabila kamu berada di dalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangnya dengan tiupan angin yang baik, dan mereka pun bersukacita dengannya; tiba-tiba datanglah kepadanya angin ribut yang kencang, dan mereka pula didatangi ombak menimpa dari segala penjuru, serta mereka percaya bahawa mereka diliputi oleh bahaya; pada saat itu mereka semua berdoa kepada Allah dengan mengikhlasakan kepercayaan mereka kepadanya semata-mata (sambil merayu dengan berkata): "Demi sesungguhnya! jika Engkau (Ya Allah) selamatkan kami dari bahaya ini, kami tetap menjadi orang-orang yang bersyukur"

(Surah Yunus, 10: 22)

Masroom *et al.* (2013). merujuk kajian mereka iaitu Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesihatan Jiwa yang menerangkan bahawa Rukun Iman menjadi dasar akidah atau kepercayaan orang

Islam yang di atas dasar-dasar inilah dilaksanakan amal dan ibadah. Ini kerana, ulama-ulama hadis dan feqh seperti Imam Malik, Imam Syafie dan Imam Ahmad telah mentakrifkan iman sebagai "...pembenaran dengan hati, ikrar dengan lidah dan beramal dengan sekelian rukun." (Mustafa, 2009). Menurut Kahf (1978) dan Amin *et al.* (2021), menyatakan bahawa faktor keagamaan (Iman) boleh mempengaruhi kepenggunaan ke atas barang (product) dan perkhidmatan sebagaimana yang dibenarkan dalam syariat Islam. Selari dengan pandangan Sulaiman (2003) yang menyatakan bahawa masyarakat Islam dipengaruhi oleh pandangan alam atau dunia Islam berlandaskan Syariah Islam yang ditetapkan. Amin *et al.* (2021), turut menjelaskan sesebuah institusi kewangan Islam perlu berpegang kepada prinsip, nilai dan matlamat muamalat Islam dalam usaha menawarkan perkhidmatan atau kemudahan pembiayaan peribadi secara Islam, dengan kepatuhan nilai-nilai prinsip muamalat Islam tersebut maka semakin besarlah kemungkinan pengguna tersebut untuk melanggan produk instrumen pembiayaan atau pembiayaan peribadi Islam. Hujahan ini turut disokong hasil dapatan kajian terdahulu yang dilaksanakan di United Kingdom (UK) kepada 300 responden orang Islam yang didapati bahawa alasan faktor keagamaan atau keimanan merupakan motivasi utama untuk berurusan dengan institusi kewangan Islam (Omer, 1992).

Dapatlah disimpulkan bahawa faktor pemboleh ubah Keberagamaan atau keimanan merupakan faktor yang boleh mempengaruhi ke atas penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf, dan instrumen wakaf itu sendiri adalah salah satu elemen ibadah dalam syariat Islam yang menjadi salah satu "*tools*" sistem kewangan sosial Islam dalam usaha merapatkan hubungan jurang antara golongan berada dengan golongan kurang kemampuan untuk meningkatkan sosioekonomi ummah dalam rangkaian strata ketamadunan masyarakat itu sendiri yang bersendikan asas-asas kewangan Islam. Elemen ibadah bab berkaitan elemen wakaf yang dirakamkan dalam al-Quran yang bermaksud:

"Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberi petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya). Dan apa jua harta yang halal yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri dan kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredaan Allah dan apa jua yang kamu dermakan dari harta yang halal, akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu, dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak dikurangkan."

(Surah al-Baqarah, 2:272)

Oleh yang demikian, cadangan hipotesis adalah seperti berikut:

H<sub>4</sub>: Keberagamaan mempunyai hubungan yang positif dan signifikan untuk penerimaan pengguna ke atas pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.



### 3. METODOLOGI KAJIAN

#### *Strategi Kajian*

Kajian yang dijalankan merupakan kajian jenis kuantitatif. Menurut Hopkins (2008), kajian kuantitatif bertujuan untuk menentukan hubungan antara dua pemboleh ubah yang terdiri daripada angkubah bersandar dan angkubah tidak bersandar. Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kajian ini berasaskan model Teori Islam Gelagat Pengguna (*Islamic Theory of Consumer Behavior*, ITCB) (Amin, 2019; Khan, 1984; Zarqa, 1980; Muneeza *et al.*, 2011) dengan memasukkan angkubah elemen-elemen Islamik untuk tujuan pengukuran pengaruh tingkah laku penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan dana yang berasaskan wakaf di Sabah, Malaysia seperti pemboleh ubah Nilai Maqasid, Dasar atau Polisi Hutang Islam, Kewajaran Harga (kadar upah “ujrah” atau kadar caj perkhidmatan) dan Keberagamaan.

Lokasi kajian yang dipilih adalah kawasan daerah utama di Sabah iaitu daerah Kota Kinabalu, Ranau, Sandakan, Keningau dan Tawau dengan sasaran responden berjumlah 1000 orang responden terdiri dari golongan akademik, penjawat awam, swasta, peniaga, pelajar institusi pengajian tinggi dan orang perseorangan. Sasaran minimum borang soal selidik dikembalikan daripada jumlah keseluruhan borang soal selidik yang diedar adalah sebanyak 80% borang tetapi jika ia melebihi dari sasaran maka ia adalah lebih baik untuk digunakan dalam kajian ini. Jadual 1, merupakan perincian pecahan daerah kajian:

**JADUAL 1: PECAHAN RESPONDEN MENGIKUT LOKASI**

Bil.	Lokasi	Populasi	Peratus	Sasaran Responden
1.	Tawau	372,462	24.06%	200
2.	Sandakan	439,050	28.36%	250
3.	Kota Kinabalu	500,425	32.33%	300
4.	Ranau	85,077	5.50%	100
5.	Keningau	150,927	9.75%	150
Total		1,547,941	100%	1000

Sumber: Department of Statistics Malaysia (DOSM), 2020

Seramai 845 orang responden (85 peratus) telah memberikan kerjasama dengan menjawab dan mengembalikan borang soal selidik daripada sejumlah 1000 borang soal selidik yang telah diedarkan. Sasaran kajian dalam pemilihan responden adalah meliputi sekitar daerah Kota Kinabalu, Ranau, Keningau, Sandakan dan Tawau yang terdiri daripada pelbagai peringkat latar belakang iaitu jantina, umur, bangsa, pekerjaan, pendidikan dan pendapatan. Jadual 2 memperincikan jumlah responden mengikut peringkat latar belakang seperti yang dinyatakan. Comrey dan Lee (1992) menetapkan garis panduan untuk saiz sampel sebagai 50 sangat lemah, 100 sebagai miskin, 300 sebagai baik, 500 sebagai sangat baik, dan 1000 sebagai cemerlang. Di samping itu, keperluan minimum untuk saiz sampel ialah mempunyai sekurang-kurangnya lima peserta setiap pemboleh ubah atau item, namun saiz sampel yang lebih boleh diterima ialah mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh peserta setiap pemboleh ubah iaitu nisbah 10:1 (Hair *et al.*, 2013).

**JADUAL 2: PECAHAN LATAR BELAKANG DEMOGRAFI RESPONDEN**

Pemboleh ubah demografi		Kategori	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki		417	49.30
	Wanita		428	50.70
Umur	20-29		303	35.90
	30-39		212	25.10
	40-49		144	17.00
	50 dan ke atas		186	22.00
Bangsa	Melayu		183	21.66
	Cina		8	0.95
	Bumiputra Sabah		648	76.69
	Bumiputra Sarawak		6	0.71
Pekerjaan	Industri berkaitan perkhidmatan kewangan		42	4.97
	Industri berkaitan minyak dan gas		12	1.42
	Ahli Perniagaan		44	5.21
	Penjawat awam		351	41.54
	Pekerja jualan / perkhidmatan		84	9.94
	Bekerja sendiri		89	10.53
	Suri Rumah		20	2.37
	Lain-Lain		203	24.02
Tahap Pendidikan	SPM/CERTIFICATE		75	8.88
	STPM/DIPLOMA		168	19.88
	Sarjana muda		445	52.66
	Sarjana dan ke atas		157	18.58
Pendapatan Bulanan	RM1,000.00 ke bawah		214	25.30
	RM1,000.00-RM2,000.00		179	21.20
	RM3,000.00-RM4,000.00		193	22.80
	RM5,000.00 ke atas		259	30.70
<b>Jumlah</b>			<b>845</b>	<b>100.00</b>

Sumber: Penulis

*Kaedah Pengumpulan Data*

Comrey dan Lee (1992) menetapkan garis panduan untuk saiz sampel sebagai 50 sangat lemah, 100 sebagai miskin, 300 sebagai baik, 500 sebagai sangat baik, dan 1000 sebagai cemerlang. Dalam kajian ini, sasaran responden adalah 1000 orang yang dipilih menggunakan kaedah mengikut pecahan daerah utama di negeri ini iaitu Kota Kinabalu, Ranau, Keningau dan Tawau dengan mengikut nisbah bilangan penduduk. Menurut Hair *et al.* (2013), keperluan minimum untuk saiz sampel ialah mempunyai sekurang-kurangnya lima peserta setiap pemboleh ubah/item, namun saiz sampel yang lebih boleh diterima ialah mempunyai sekurang-kurangnya sepuluh peserta setiap pemboleh ubah (iaitu nisbah 10:1). Manakala, Sekaran dan Bougie (2010) menyatakan bahawa saiz sampel yang besar boleh menjadi sangat sukar dan mencadangkan agar 384 sebagai peraturan biasa untuk saiz sampel. Sekaran dan Bougie (2010) berpendapat bahawa saiz sampel amat dipengaruhi oleh kos dan kekangan masa. Di samping itu, menurut Hair *et al.* (2013), peraturan umum untuk menentukan saiz sampel adalah mesti ada sekurang-kurangnya lima (5) pemerhatian untuk satu pemboleh ubah bebas. Standard untuk saiz sampel yang sesuai digunakan dalam kajian ini ditentukan berdasarkan Hair *et al.* (2013), yakni keperluan minimum untuk saiz sampel adalah sekurang-kurangnya lima peserta bagi

setiap pemboleh ubah item. Jumlah item untuk mengukur semua pemboleh ubah dalam kajian ini adalah 24 item soal selidik yang menjadikan jumlah sampel yang disasarkan adalah seramai 1000 responden. Dalam kajian ini, semua pengumpulan data dibuat melalui pengedaran borang soal selidik. Borang soal selidik kajian ini telah dibangunkan berdasarkan kajian-kajian lepas dari pelbagai konteks yang berbeza. Borang soal selidik untuk kajian ini dirangka berdasarkan kajian-kajian berkaitan seperti kajian daripada Muneeza *et al.* (2011) dan Amin *et al.* (2011). Borang soal selidik kajian ini dibahagikan kepada sembilan bahagian, iaitu bahagian A, B, C, D dan E. Ukuran skor adalah berdasarkan skala Likert (*Likert scale*) dengan nilai "1 - Paling Tidak Setuju" hingga "5 - Paling Setuju"

#### *Kaedah Analisis Data*

Aplikasi atau perisian yang digunakan untuk analisis data adalah perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) 29. SPSS dipilih kerana fleksibilitinya untuk mengendalikan pelbagai sumber data yang diperoleh dan pelarasan data mudah dibuat untuk penukaran dan analisis (Pallant, 2005; Sekaran dan Bougie, 2010). Analisis dilakukan bagi menentukan faktor yang sesuai untuk dimasukkan ke dalam regresi berganda bagi kajian penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf di Sabah berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan. Proses pengumpulan data ini juga mengambil kira latarbelakang tahap pencapaian akademik sebagai salah satu kriteria untuk menilai kefahaman mereka berkaitan kajian yang dijalankan. Pecahan analisis yang dibincangkan meliputi latar belakang demografi, Analisis Faktor, Analisis Kebolehpercayaan, Analisis Korelasi dan Analisis Regresi Berganda.

## **4. DAPATAN KAJIAN**

### *Analisis Faktor*

Berdasarkan Jadual 3, dapatan keputusan daripada analisis faktor hubungan pemboleh ubah ITCB terdiri 24 item soalan yang di uji menunjukkan bahawa bacaan bagi nilai KMO adalah 0.931 dan ini menunjukkan menepati andaian bacaan perlu melebihi minimum nilai 0.5. Manakala, nilai bacaan *Barlett's Test of Sphericity* adalah 24624.827 dan ujian ke atas analisis faktor ke atas pemboleh ubah ITCB adalah signifikan dengan nilai bacaan yang diperolehi bernilai 0.001. Di samping itu, nilai Item Muatan Faktor atau dalam nilai dapatan pengujian *Rotated Component Matrix* menunjukkan melebihi minima bacaan 0.3 dengan nilai bacaan Muatan Faktor antara 0.633 sehingga 0.853 dan ini jelas menunjukkan pengujian ke atas item model ITCB (F1 sehingga F4) menepati syarat andaian yang ditetapkan (Hair *et al.*, 2013). Bacaan Nilai Eigen Faktor menunjukkan bacaan di atas satu (1) sehingga empat (4) item soalan dengan bacaan di atas nilai satu (1) dengan masing-masing bacaan 13.762, 2.508, 1.206 dan 1.184, ini adalah dianggap signifikan atau penting. Manakala nilai Eigen bermula item 5 sehingga 24 soalan yang di uji adalah dibawah satu (1). Bacaan Nilai Komunaliti Pemboleh ubah untuk ke semua pemboleh ubah dan item soalan menunjukkan bacaan yang melebihi aras andaian minimum yang ditetapkan (Hair *et al.*, 2013) iaitu bacaan di atas nilai 0.50 dengan nilai bacaan bermula 0.610 (61 peratus) bagi pemboleh ubah DPHI1 sehingga 0.884 (88.4 peratus) KW2. Ini jelas menunjukkan semakin besar nilai komunaliti sesuatu pemboleh ubah maka semakin erat hubungannya dengan pemboleh ubah yang terbentuk (Santoso, 2011).

**JADUAL 3: FAKTOR ANALISIS**

<b>Faktor 1: Nilai Maqasid Syariah</b>	<b>F1</b>	<b>F2</b>	<b>F3</b>	<b>F4</b>
MS1	0.746			
MS2	0.738			
MS3	0.741			
MS4	0.731			
MS5	0.708			
MS6	0.735			
<b>Faktor 2: Dasar atau Polisi Hutang Islam</b>				
DPHI1		0.678		
DPHI2		0.757		
DPHI3		0.812		
DPHI4		0.767		
DPHI5		0.782		
DPHI6		0.775		
DPHI7		0.756		
<b>Faktor 3: Kewajaran Harga</b>				
KW2			0.842	
KW1			0.853	
KW5			0.712	
KW6			0.676	
KW3			0.769	
KW4			0.734	
<b>Faktor 4: Keberagamaan</b>				
K1				0.657
K2				0.702
K3				0.738
K4				0.795
K5				0.633
<i>% of Variance</i>	57.343	10.448	5.023	4.934
Nilai Eigen Faktor	13.762	2.508	1.206	1.184
<i>Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) Measure of Sampling Adequacy</i>			.931	
<i>Barlett's Test of Sphericity</i>		24624.827		
Df		276		
Sig.		.001		

Sumber: Penulis

*Analisis Kebolehpercayaan*

Hair *et al.* (2013) menyatakan analisis kebolehpercayaan adalah merupakan ukuran tahap konsisten antara pelbagai ukuran pembolehubah. Dalam kajian ini, nilai *Cronbach's Alpha* digunakan untuk mengenalpasti tahap kebolehpercayaan bagi setiap bahagian atau seksyen di dalam borang soal selidik yang diedarkan. Sekaran dan Bougie (2010) berpendapat bahawa ukuran nilai alpha menghampiri 1.0 menunjukkan tahap tertinggi kebolehpercayaan konsisten. Nilai yang kurang dari 0.6 dianggap ukuran kebolehpercayaan yang lemah, nilai 0.7 dianggap boleh diterima, dan nilai 0.8 dan ke atas adalah dianggap sesuai.

**JADUAL 4: ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN**

Pembolehubah	Bilangan item	Nilai
Nilai Maqasid Syariah	6	0.962
Dasar atau Polisi Hutang Islam	7	0.929
Kewajaran Harga	6	0.928
Keberagamaan	5	0.921
Penerimaan	5	0.968

Sumber: Penulis

Merujuk kepada Jadual 4, kesemua pemboleh ubah mempunyai nilai *Cronbach's Alpha* melebihi 0.8, iaitu menghampiri nilai 1.0, yang menunjukkan bahawa tahap keboleh percayaan pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi. Pemboleh ubah Penerimaan yang merupakan pemboleh ubah bersandar dan terdiri lima soalan yang mencatatkan Nilai *Cronbach's Alpha* tertinggi dengan bacaan 0.968. Kemudian diikuti sepuluh pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pemboleh ubah Nilai Maqasid Syariah dalam bacaan 0.962 yang terdiri enam soalan. Bagi pemboleh ubah Dasar atau Polisi Hutang Islam mencatatkan bacaan 0.929 dan item soalan berjumlah tujuh soalan. Pemboleh ubah Kewajaran Harga dengan bacaan nilai 0.928, yang terdiri enam soalan. Di samping itu, Pemboleh ubah Faktor Keberagamaan dengan bacaan 0.921 yang terdiri enam item soalan.

*Analisis Korelasi*

Pallant (2005) menyatakan bahawa Pekali Korelasi Pearson (*Pearson Correlation Coefficient*) boleh diguna untuk menerangkan hubungan antara dua pembolehubah. Pekali Korelasi Pearson mempunyai nilai di antara -1.00 dan +1.00, dengan nilai +1.00 menunjukkan hubungan kolerasi positif sempurna manakala nilai -1.00 menunjukkan hubungan kolerasi negatif sempurna antara kedua-dua pembolehubah. Nilai koefisien korelasi 0.00 pula menandakan tidak ada hubungan di antara dua pemboleh ubah tersebut atau tiada hubungan linear di antara keduanya. Menurut Cohen (1988), nilai korelasi yang lemah adalah  $r = 0.10$  hingga  $0.29$  atau  $r = -0.10$  hingga  $-0.29$ ; nilai korelasi medium adalah  $r = 0.30$  hingga  $0.49$  atau  $r = -0.10$  hingga  $-0.29$ ; manakala nilai  $r = 0.50$  hingga  $1.0$  atau  $r = -0.50$  hingga  $-1.0$  menunjukkan nilai korelasi yang kuat.

**JADUAL 5: ANALISIS KORELASI**

Pembolehubah	1	2	3	4	5
Nilai Maqasid Syariah	1				
Dasar atau Polisi Hutang Islam	.737**	1			
Kewajaran Harga	.656**	.518**	1		
Keberagamaan	.743**	.665**	.731**	1	
Penerimaan	.592**	.539**	.625**	.625**	1

Sumber: Penulis

Jadual 5, menunjukkan kesemua pemboleh ubah tidak bersandar mempunyai hubungan positif untuk penerimaan pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf yang mencatatkan korelasi yang signifikan pada tahap 0.01 (*2-tailed*), dalam julat 0.539 hingga 0.625 ( $p < 0.01$ ). Terdapat dua (2) pemboleh ubah tidak bersandar yang mencatatkan bacaan julat nilai  $r = 0.6$  ke atas seperti Kewajaran Harga dan Keberagamaan masing-masing mencatatkan bacaan julat yang sama iaitu ( $r = 0.625$ ,  $p < 0.01$ ). Manakala, bacaan nilai julat terendah adalah pemboleh ubah Dasar atau Polisi Hutang Islam dengan masing-masing dan ( $r = 0.539$ ,  $p < 0.01$ ). Manakala, Nilai Maqasid Syariah mencatatkan nilai ( $r = 0.592$ ,  $p < 0.01$ ). Analisis nilai korelasi bagi empat (4) pemboleh ubah tidak bersandar tersebut adalah signifikan dan positif dengan nilai korelasi yang kuat dengan nilai  $r = 0.5$  hingga  $1$  dengan hubungan pemboleh ubah Penerimaan (pemboleh ubah bersandar) dalam kajian ini.

*Analisis Regresi Berganda*

Selaras dengan dapatan Kutner *et al.* (2004), kajian ini menggunakan teknik Analisis Regresi Berganda untuk mengkaji hubungan dan pengaruh antara beberapa pemboleh ubah tidak bersandar terhadap pemboleh ubah bersandar. Hair *et al.* (2013) menyatakan kaedah analisis Regresi Berganda ialah teknik statistik yang membenarkan penyelidik mengkaji hubungan antara pemboleh ubah bersandar dan beberapa pemboleh ubah tidak bersandar. Selain itu, Analisis Regresi Berganda digunakan untuk situasi di mana lebih daripada satu pemboleh ubah bebas dihipotesiskan untuk mempengaruhi satu pemboleh ubah bersandar atau variannya (Sekaran & Bougie, 2010).

Hair *et al.* (2013) turut menyatakan bahawa regresi berganda untuk meramal dan menjelaskan pemboleh ubah bersandar sebagai tindak balas kepada perubahan dalam pemboleh ubah tidak bersandar. Dalam kajian ini, Analisis Regresi Berganda digunakan untuk menilai hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar yang terdiri model Teori Islam Tingkah Laku Pengguna (ITCB), dengan pemboleh ubah bersandar iaitu Penerimaan. Dalam analisa regresi berganda, hubungan di antara Pemboleh ubah Bersandar dan Pemboleh ubah Tidak Bersandar ditunjukkan melalui persamaan berikut:

$$Y = a + \beta_1X_1 + \beta_2X_2 + \beta_3X_3 + \beta_4X_4 + e$$

(Persamaan 1)

$Y$  = pemboleh ubah bersandar

$a$  = nilai konstan

$\beta_1 - \beta_7$  = koefisien regresi

$X_1 - X_{10}$  = Pemboleh ubah tidak bersandar

Persamaan di atas adalah sebagai ilustrasi untuk menunjukkan hubungkait perhubungan di antara Pemboleh ubah Bersandar dan Pemboleh ubah Tidak Bersandar dengan melihat kepada *Beta Coefficients* bagi pembolehubah-pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar (IV) dalam kajian ini adalah terdiri daripada sepuluh domain iaitu: (1)  $X_1$  - Nilai Maqasid Syariah; (2)  $X_2$  - Dasar atau Polisi Hutang Islam; (3)  $X_3$  - Kewajaran Harga; (4)  $X_4$  - Keberagamaan. Manakala, pemboleh ubah Penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf pula merupakan pemboleh ubah bersandar (DV). Keputusan daripada analisis regresi berganda yang dilakukan ditunjukkan seperti pada Jadual 6.

**JADUAL 6: ANALISIS REGRESI BERGANDA**

<b>Pemboleh ubah Bersandar</b>	<b>Pemboleh ubah Tidak Bersandar</b>	<b><i>Unstandardized Coefficients Beta</i></b>	<b>*Sig.</b>
Penerimaan	Nilai Maqasid Syariah	0.135	0.001
	Dasar atau Polisi Hutang Islam	0.145	0.001
	Kewajaran Harga	0.060	0.043
	Keberagamaan	0.119	0.008
	$R^2$	0.859	
	<i>Adjusted R<sup>2</sup></i>	0.735	
	<i>Std. Error of the Estimate</i>	0.35481	
	<i>Sig.</i>	0.000	

*Nota: Tahap signifikan: \*p < 0.05*

Sumber: Penulis

Jadual 6, menunjukkan ukuran *Unstandardized Coefficients Beta* dan *Sig.* iaitu Nilai Maqasid Syariah ( $H_1: \beta = 0.135, p < 0.05$ ), Dasar atau Polisi Hutang Islam ( $H_2: \beta = 0.145, p < 0.05$ ), Kewajaran Harga ( $H_3: \beta = 0.223, p < 0.05$ ) dan Keberagamaan ( $H_4: \beta = 0.119, p < 0.05$ ). Oleh itu, hipotesis menunjukkan hubungan yang positif dan signifikan nilai  $p < 0.05$  dan mencadangkan bahawa

pemboleh ubah-pemboleh ubah berkenaan mempunyai hubungan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar penerimaan. Nilai varian  $R^2$  Squares menunjukkan bahawa tahap keutuhan persamaan yang digunakan dengan nilai bacaan 85.9 peratus adalah kategori yang kuat (Hair *et al.*, 2013) daripada variasi pemboleh ubah bersandar (Penerimaan) itu boleh dijelaskan oleh pembolehubah-pemboleh ubah yang telah dipilih. Hair *et al.* (2013) menyatakan bahawa nilai  $R^2$  square 0.75 adalah dalam kategori kuat, nilai  $R^2$  square 0.50 kategori moderat dan nilai  $R^2$  square 0.25 kategori lemah.  $R^2$  Squares merupakan suatu ukuran statistik yang menunjukkan data terletak hampir dengan garis regresi yang dipadankan seperti diantara nilai 0 – 1 atau jika diterjemahkan kepada diantara 0 – 100 peratus.

## 5. PERBINCANGAN

Merujuk rumusan keputusan hipotesis dalam Jadual 7, wujud hubungan yang positif dan signifikan berdasarkan hasil dapatan pengujian analisa regresi berganda berpandukan dalam perincian Jadual 6 untuk ke semua item-item pemboleh ubah tidak bersandar model ITCB. Ini jelas menunjukkan potensi penerimaan pengguna ke atas elemen ke semua pemboleh ubah tidak bersandar untuk tujuan produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf.

### *Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Nilai Maqasid Syariah*

Hasil keputusan pengujian analisis regresi berganda dalam jadual 6 dan rumusan keputusan hipotesis dalam jadual 7 bahawa Nilai Maqasid Syariah ( $H_1: \beta = 0.135, p < 0.05$ ) ini jelas menunjukkan wujud hubungan yang positif dan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini dan kepentingan elemen Nilai Maqasid Syariah untuk komponen dalam teori ITCB merupakan antara faktor atau elemen utama dari sudut keutamaan syarak selaras dengan ketetapan syariat Islam sebelum sesuatu tindakan tingkah laku atau gelagat yang membentuk sikap untuk penerimaan atau pemilihan sesuatu pengurusan aset, kepenggunaan produk dan pelaburan (Ismail *et al.*, 2021).

Ini turut disokong dalam kajian Dusuki dan Bouheraoua (2011) yang menyatakan meneliti kerangka maqasid Syariah dan implikasinya terhadap kewangan Islam dan ini merujuk kepentingan instrumen pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf yang merupakan salah satu cabang kewangan Islam untuk memperkasakan pembangunan sosioekonomi umat Islam di sektor Industri kecil dan Sederhana (IKS) dan negara amnya. Dalam kajian Nor Muhamad *et al.* (2015) menyenaraikan beberapa aspek berikut merujuk Maqasid Syariah dalam pengurusan wakaf iaitu aspek pembangunan ekonomi, hubungan sosial, pemilikan harta orang Islam dan tolong menolong (*Ta'awun*) dalam Islam. Syariah Islam bertujuan untuk memberikan kebaikan, kesejahteraan dan kemaslahatan kepada seluruh umat manusia. Objektif atau Maqasid Hukum Islam adalah untuk menjaga kepentingan dan keperluan manusia di dunia dan akhirat Nor Muhamad *et al.* (2015). Selain itu, dapatan kajian lalu turut menunjukkan wujud hubungan signifikan di antara gelagat pengguna dengan faktor pemboleh ubah tidak bersandar Maqasid Syariah untuk pemilihan dan penggunaan ke atas perkhidmatan tersebut (Amin *et al.*, 2022; Ismail *et al.*, 2021).

### *Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Dasar Atau Polisi Hutang Islam*

Jadual 6 dan jadual 7 menunjukkan Dasar atau Polisi Hutang Islam ( $H_2: \beta = 0.145, p < 0.05$ ) wujud hubungan yang positif dan signifikan dengan pemboleh ubah bersandar berdasarkan analisis regresi berganda. Beekun dan Badawi (2005) menjelaskan bahawa Institusi Kewangan Islam (IFIs) seperti perbankan Islam harus menyediakan amalan yang baik terhadap penghutang dan tidak seharusnya mengambil kesempatan. Pemiutang perlu meminta atau mengutip hutang daripada penghutang dengan cara berperikemanusiaan yang digalakkan dalam Islam (Akhyar, 2009). Ini boleh dinilai seperti mengambil kira situasi semasa yang dihadapi penghutang sebagai contoh impak pandemik Covid-19 atau musibah bencana alam dengan memberi kelonggaran atau moratorium kepada penghutang untuk bayaran balik pembiayaan tersebut. Kajian lalu turut mengambilkira faktor Dasar atau Polisi Hutang Islam bahawa praktis Dasar untuk dilaksanakan kepada institusi perbankan atau kewangan Islam jika dibandingkan dasar konvensional sedia ada dan ini secara tidak langsung untuk penambahbaikan serta

lebih berdaya saing (Amin, 2019). Amin (2021) turut menyatakan bahawa antara bank awal yang mempunyai amalan Dasar atau Polisi Hutang Islam yang baik dan unggul adalah Bank Islam Malaysia Berhad, Maybank Islamic dan CIMB. Dasar atau Polisi Hutang Islam merupakan suatu praktis elemen yang penting dalam dasar sesuatu produk pembiayaan Islam (Hamid & Masood, 2011; Abdul-Razak & Md-Taib, 2011).

Selain itu, literatur kajian lalu turut menunjukkan wujud hubungan yang signifikan gelagat pengguna dengan faktor Dasar Hutang Islam bagi pertimbangan tindakan keputusan untuk pemilihan dan penerimaan ke atas sesuatu perkhidmatan dan produk yang ditawarkan (Amin, 2021). Dapatan hasil kajian awal sebelum ini adalah konsisten yang membincangkan peranan yang boleh dimainkan dengan Dasar Hutang Islam yang menjadi faktor gelagat atau penerimaan kepada individu atau pengguna yang berpotensi dalam usaha ke arah permintaan perkhidmatan atau produk pembiayaan yang lebih baik (Muneeza *et al.*, 2011).

#### *Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Kewajaran Harga*

Jadual 6 dan jadual 7 dapatan hasil pengujian analisis regresi berganda pemboleh ubah tidak bersandar bagi Kewajaran Harga ( $H_3$ :  $\beta = 0.223$ ,  $p < 0.05$ ) adalah hubungan yang positif dan signifikan. Faktor Kewajaran Harga merupakan komponen yang signifikan dalam sesuatu produk pembiayaan. penilaian penerimaan responden ke atas kewajaran harga mekanisma yang bersesuaian untuk diterapkan dalam perkhidmatan pembiayaan qardhul Hassan berasaskan wakaf ini selari dengan kos-kos pengurusan yang berkaitan. Ebert dan Griffin (1998), menyatakan bahawa penetapan harga dalam produk pembiayaan peribadi Islam merujuk kepada tindakan institusi kewangan Islam atau Bank Islam dalam memilih dengan kesesuaian harga untuk menjual produk pembiayaan dengan mencapai keseimbangan antara bank dan kepentingan pelanggan dalam erti kata lain penetapan Kewajaran Harga. Institusi kewangan Islam menggunakan kaedah perkongsian untung untuk mengenakan bayaran atau caj perkhidmatan untuk transaksi perkhidmatan kewangan (Olson & Zoubi, 2008). Amin *et al.* (2011) berpendapat konsep faedah keadah muamalat yang di larang dalam syariat Islam tetapi konsep perkongsian untung rugi dibenarkan dan konsep bayaran tertunda dan komisen pembiayaan perdagangan yang dibenarkan dalam model perbankan Islam.

Dapatan ini juga disokong kajian sebelum ini dengan melihat hubungan gelagat pengguna dengan aspek kewajaran harga ke atas pembiayaan dan penetapan Kewajaran Harga merupakan salah satu penentu tindakan tingkah laku untuk penerimaan sesuatu produk pembiayaan yang menunjukkan hubungan yang signifikan dan positif (Amin 2021; Khadijah *et al.*, 2020).

#### *Pemboleh Ubah Tidak Bersandar Keberagamaan*

Dapatan hasil pengujian analisis regresi berganda pemboleh ubah tidak bersandar bagi Keberagamaan ( $H_4$ :  $\beta = 0.119$ ,  $p < 0.05$ ) dalam Jadual 6 dan Jadual 7 wujud hubungan yang positif dan signifikan susulan analisis regrasi berganda yang diuji. Menunjukkan faktor Keberagamaan merupakan komponen yang signifikan dalam sesuatu tingkah laku atau tindakan bagi individu untuk penerimaan atau pemilihan ke atas sesuatu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan sebagaimana yang dibenarkan dalam syariat Islam dan ini selari bahawa masyarakat Islam dipengaruhi oleh pandangan alam atau dunia Islam berlandaskan Syariah Islam yang ditetapkan yang disokong hasil penemuan kajian lalu (Albaity & Rahman, 2019; Amin *et al.*, 2021).

## **6. KESIMPULAN**

Kajian ini adalah kajian penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf di Sabah, Malaysia. Sebagai rumusan, kajian ini mendapati ke semua pemboleh ubah tidak bersandar itu mempunyai kesan hubungan statistik yang signifikan terhadap Penerimaan pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf. Pengujian Analisa Regrasi Berganda yang menunjukkan item-item pemboleh ubah tidak bersandar model kajian wujud hubungan yang positif dan signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu Penerimaan



pengguna ke atas produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf. Pengujian Analisis Pengantara turut menunjukkan wujud hubungan yang positif dan signifikan pemboleh ubah tidak bersandar elemen Sikap berperanan pengaruh pengantara ke atas pemboleh ubah bersandar. Kajian ini mendapati bahawa negeri Sabah mempunyai potensi besar untuk pembangunan produk pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf dengan memantapkan institusi wakaf melalui kerjasama strategik antara sektor korporat dan Badan Pengurusan Wakaf di negeri-negeri lain yang berpengalaman seperti Wakaf an-Nur yang berpengalaman melaksanakan kemudahan pembiayaan tersebut. Dengan memomentum kesedaran masyarakat yang mula semakin ramai menyumbang dalam instrumen wakaf tunai maka ini secara tidak langsung peluang kepada pengembangan kemudahan pembiayaan Qardhul Hassan berasaskan wakaf sebagai salah satu instrumen alternatif kepada kumpulan sasar dalam usaha mempertingkatkan keupayaan kumpulan ini rangkaian ekonomi setempat (*Local Chain*). Keupayaan penjana dana pembiayaan dana ini perlu Kerjasama startegik dengan pemain industri seperti sektor swasta daripada institusi kewangan dan korporat dalam usaha meletak institusi wakaf MUIS sebagai sebuah institusi wakaf yang kelestarian pendapatan (*sustainable income*).

## RUJUKAN

- Al-Quran, (1997). *English translation of the meaning of al-Quran*, translated from Arabic by Muhammad Farooq-i-Azam Malik Houston, Texas, U.S.A: The Institute of Islamic Knowledge.
- Ab. Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Abdul-Razak, D. and Md-Taib, F. (2011). Consumers' perception of Islamic home financing: empirical evidence on Bay Bithaman Ajil (BBA) and diminishing partnership (DP) modes of financing in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 2(2), 165-176.
- Ahmed, H. (2004). *Role of Zakah and Awqaf in Poverty Alleviation*. Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, Saudi Arabia.
- Ahmed, H. (2007). *Waqf Based Microfinance: Realizing the Social Role of Islamic Finance*. Paper written for the International Seminar on "Integrating Awqaf in the Islamic Financial Sector" Singapore, March 6-7, 2007.
- Akhyar, A. (2009). *Hutang Seronok yang Membawa Bencana: Pengurusan Hutang Piutang dalam Islam*. Pustaka Azhar, Johor Bahru.
- Al-Asfahani. (1992). *Mufradat alfaz al-Quran Damsyiq*: Dar al-Qalam, hlm. 91.
- Albaity, M. and Rahman, M. (2019). "The intention to use Islamic banking: an exploratory study to measure Islamic financial literacy", *International Journal of Emerging Markets*, Vol. 14 No. 5, pp. 988-1012.
- Al-Khin, M. (2005). *al-Fiqh al-Manhaji. jld. 5, terjemahan Pustaka Salam*. Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Salam.
- Al-Tabari. (1992). *Tafsir al-Tabari*, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 133.
- Amin, H. (2019). The Islamic theory of consumer behaviour for *ijarah* home financing. *Journal of Asia Business Studies*. 13(4), 672-693.
- Amin, H. (2022). *Maqasid*-based consumer preference index for Islamic home financing. *International Journal of Ethics and Systems*, 38(1), 47-67.
- Amin, H., & Hassan, M. K. (2022). Millennials' acceptability of *tawarruq*-based *ar-rahnu* in Malaysia. *International Journal of Ethics and Systems*, 38(3), 510-529.
- Amin, H., Abdul Rahman, A.R., Sondoh, S.L., & M.C.H., Ang. (2011). Determinants of customers intention to use Islamic personal financing the case of Malaysian Islamic Banks. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 2(1), 22-42.
- Ariffin, N. M., & Adnan, M. A. (2012). The perceptions of Islamic bankers on Qardhul Hasan in Malaysian Islamic banks. In *The 2nd International Conference on Arab-Malaysia Islamic Global Business and Entrepreneurship 2010* (pp. 1-29).
- Beekun, R. I., & Badawi, J.A. (2005). Balancing ethical responsibility among multiple organizational stakeholders: the Islamic perspective. *Journal of Business Ethics*, 60, 131-145.

- Borhan, J.T. (2005). *Pelaksanaan Prinsip-Prinsip Syariah dalam Amalan Perbankan Islam di Malaysia*, dlm Abdullah Alwi Hj Hassan (Ed.), *Teori dan Aplikasi Kontemporari Sistem Ekonomi Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Che Man, N, Abd Wahab, N,A., Abd Hamid, N., Ahad , N.I., & Mansor, N.H. (2015). *CSR-Based Product: Sorotan Kajian Terhadap Penawaran Produk Qard Al-Hasan Di Institusi Kewangan Islam Malaysia*. Conference: 3rd International Seminar on Islamic Philanthropy, Golden Flower Hotel Bandung.
- Cizakca M. (2011). Waqf in history and its implications for modern Islamic economies. In: Kahf M and Mahamood SM (eds) *Essential Readings in Contemporary Waqf Issues*. Kuala Lumpur: CERT, 1-42.
- Cohen, J. (1988). *Statistical Power Analysis for the Behavioral Sciences*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Comrey, A. L., & Lee, H. B. (1992). *A First Course in Factor Analysis* (2nd ed.). Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). *Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah Dan Insiden Kemiskinan, Malaysia*, Kuala Lumpur: DOSM.
- Dusuki, A.W., & Bouheraoua, S. (2011). The framework of maqasid al-Shari'ah and its implication for Islamic finance. *Islam and Civilisational Renewal*, 2(2), 316-336.
- Ebert, R.J., & Griffin, R.W. (1998). *Business Essentials*, 2nd ed., Upper Saddle River, NJ: Prentice-Hall.
- Hair, J. F. J., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2013). *Multivariate Data Analysis 7th Edition*. Upper Saddle River, New Jersey: Pearson Education Limited.
- Hamdani, S.N.H., Ahmad, E., & Inayat, N. (2002). Towards divine economics: some testable propositions [with comments]. *The Pakistan Development Review*. 41(II), 609-626.
- Hamid, A., & Masood, O. (2011). Selection criteria for Islamic home financing: a case study of Pakistan. *Qualitative Research in Financial Markets*, 3(2), 117- 130.
- Hamka, A.M.K.A. (1984). *Tafsir al-Azhar*. Jakarta: Yayasan Nur Islam.
- Hopkins, M., & Bilimoria, D. (2008). Social and emotional competencies predicting success for female and male executives. *Journal of Management Development*, 27(1), 13–35.
- Ismail, S., Bakar, M. A., Ismail, C. Z., & Ramli, N. A. (2021). Isu-isu dan cabaran dalam pembangunan hartanah wakaf seetee aisah, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 6(42), 148-160.
- Kahf, M. (1978). *The Islamic Economy: Analytical Study of the Functioning of the Islamic Economic System*, Muslim Students Association, US and Canada.
- Kahf, M. (2003). The Role of Waqf in Improving the Ummah Welfare. *Paper presented at The International Seminar on Waqf as a Private Legal Body*, pp. 1–26. organized by the Islamic University of north Sumatra, Medan, Indonesia, 6-7 January.
- Khan, M.F. (1984). Macro consumption function in an Islamic framework. *Journal of Research in Islamic Economics*, 1(2), 3-15.
- Khan, M.F. (2014). The framework for Islamic theory of consumer behaviour. *Journal of Islamic Business and Management*, 4(1), 17-54.
- Kutner, M.H., C.J. Nachtsheim., & J. Neter. (2004). *Applied Linear Regression Models*. 4th ed. New York: McGraw-Hill Companies, Inc.
- Mahamood, S.M. (2006). *Waqf in Malaysia Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur: University of Malaysia Press.
- Mas'od, M.A. (2012). *Beberapa Fenomena Irja' Dalam Pemikiran Umat Islam dan Implikasinya di Malaysia*. Tesis Phd, Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam, UM.
- Masroom, M. N., Muhammad, S. N., & Panatik, S. A. (2013). Iman, Islam dan Ihsan: Kaitannya dengan Kesehatan Jiwa. In *Makalah Ini disampaikan pada Seminar Pendidikan dan Penyelidikan Islam, yang diselenggarakan oleh Fakultas Tamadun Islam UTM, Johor Baru* (Vol. 17).
- Mohd Aslam, M.M. (2020). *Bukti Kesyumulan Islam*. Dipetik dari <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/06/584977/bukti-kesyumulan-Islam>. Pada 20 Februari 2022.

- Muneeza, A., Hassan, R. and Wisham, I. (2011). *Islamic Banking under the Malaysia Law*, A.S. Noordeen, Kuala Lumpur.
- Mustafa, A. R. (2009). *Hadis Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Naqvi, S.N.H. (1981). *Ethics and Economics: An Islamic Synthesis*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Nor Muhamad, N. H. N., Jaafar, M. A., Abdullah, M., Nizaludin, N. A., Salleh, M. M., & Zin, M. M. (2015). Konsep maqasid syariah dalam pengurusan wakaf (*Maqasid Shariah* in waqf management). *UMRAN-Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 2(3), 1-9.
- Olson, D., & Zoubi, T.A. (2008). Using accounting ratios to distinguish between Islamic and conventional banks in the GCC region. *International Journal of Accounting*, 43(1), 45-65
- Omer, H. (1992). *The Implication of Islamic Beliefs and Practice on Islamic Financial Institutions in the UK*. PhD dissertation, Loughborough: Loughborough University.
- Pallant, J. (2005). *SPSS Survival Guide a Step-by-Step Guide to Data Analysis Using SPSS for Windows*. 3rd Ed., New York: Open University Press.
- Salamon, S. (1990). "Falsafah Ekonomi Bank Islam: Mengapa Malaysia Perlu Kepada Bank Islam" dim Muhammad Syukri Salleh (ed.), *Konsep dan Perlaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*. Pulau Pinang: USM, 1990, h. 77 101.
- Santoso, S. (2011). *Structural Equation Medeling*. Indonesia: Elex Media Komputindo.
- Sayuti, K. M., Amin, H., Razak, D. A., & Rizal, H. (2020). Receptiveness of Islamic home financing among Malaysians: a revisit. *International Journal of Business and Society*, 21(2), 784-802.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2010). *Research Methods of Business: A Skill Building Approach*. United Kingdom: John Wiley & Sons.
- Siti Musyarofah. (2015). *Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktik Qordhul Hasan (Studi Kasus Pada Program Bina Mitra Mandiri di BAZNAS Kota Semarang)*. Sarjana Strata 1 Dalam Ilmu Syari'ah, Jurusan Muamalah Fakultas Syari'ah: Universitas Islam Negeri Walisongo Semarang.
- Sulaiman, M. (2003). The influence of riba and zakat on Islamic accounting. *Indonesia Management and Accounting Review*, 2(2), 149-67.
- Yusoff, A.S. (2019). *Memperkasakan Kewangan Sosial Melalui Konsep Rahmah*. Konvensyen Murabbi Ummah Peringkat Kebangsaan 2019 Auditorium Cempaka Sari, Kompleks Perbadanan Putrajaya 28 September 2019 / 28 Muharam 1441H.
- Zarqa, A. (1980). *An Approach to Human Welfare*, in *Studies in Islamic Economics*. Jeddah, KSA: International Centre for Research in Islamic Economics, King Abdul Aziz University.